



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
Bahagian Penguatkuasa
No.13, Aras 2 & 3,
Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

Telefon : 03-8882 5500
Faks : 03-8882 6171
Web : <http://www.kpdnhep.gov.my>



Fail Kami : KPDNKK.100-2/2/4
Tarikh : 11 Disember 2019

Pengurus
Syarikat Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM)

Pelesen Pembuat, Pembaik dan Penjual,
Alat Timbang dan Sukat

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMATUHAN PERINTAH BENTUK ATAU PENENTUAN BAGI TIMBANG ATAU SUKAT ATAU ALAT TIMBANG ATAU SUKAT 1981 UNTUK TUJUAN PERDAGANGAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawa semua pandangan dan maklum balas dari pihak pemegang Lesen Timbang dan Sukat dan pemilik alat timbang dan sukat mengenai Pematuhan Perintah Bentuk atau Penentuan bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat 1981, hasil daripada sesi advokasi bersama Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (BPGK, KPDNHEP) dan Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) telah diperhalusi oleh Bahagian ini.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan supaya kepentingan dan usaha semua pihak terlibat dalam mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP melalui surat Rujukan KPDN/PGK(SK)1/1/2(28) bertarikh 21 November 2018 ini tidak terjejas, Bahagian ini telah bersetuju supaya tempoh pematuhan dilanjutkan dengan ketetapan seperti berikut:

- a) Alat timbang dan sukat yang **PERNAH** ditentusahkan oleh syarikat yang dilantik oleh Kerajaan boleh memohon **Kelulusan Perintah Bentuk** daripada **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan** dan boleh **ditentusahkan untuk tujuan perdagangan** sehingga **31 Disember 2020**; dan

- b) Alat timbang dan sukat yang BELUM PERNAH DITENTUSAHKAN oleh syarikat yang dilantik oleh Kerajaan boleh memohon **Kelulusan Perintah Bentuk** daripada **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan** dan **penentusahan** dibenarkan sehingga **4 April 2020**.

4. Dengan ini, pemegang Lesen Timbang dan Sukat diwajibkan mematuhi Akta Timbang dan Sukat 1972 serta perundangan subsidiari bagi timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam para 3 di atas.

5. Bersama-sama ini disertakan sekali lagi arahan yang berkaitan untuk perhatian dan makluman. Keperihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ISKANDAR HALIM BIN HAJI SULAIMAN)

Pengarah
Bahagian Penguatkuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna.

s.k. Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Setiausaha Sulit Kanan,
Pejabat Menteri,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengarah,
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Pengarah (Pencegahan),
Bahagian Penguatkuasa,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Pengarah (Operasi),
Bahagian Penguatkuasa,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Seksyen Konsumerisme
Bahagian Penguatkuasa,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.